

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Islam
Sent: Tuesday, 24 January, 2017 3:47 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: STAF PUSAT ISLAM HADIRI BENGKEL KECEMERLANGAN ORGANISASI :
"TRANSFORMASI DIRI BERKUALITI"



25 RABI'UL AKHIR 1438H BERSAMAAN 24 JANUARI 2017

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh : Salina Binti Abdullah
Gambar Oleh : Nasirruddin Abdul Jalil

STAF PUSAT ISLAM HADIRI BENGKEL KECEMERLANGAN ORGANISASI : "TRANSFORMASI DIRI BERKUALITI" DI EDC HOTELS & RESORTS



PUSAT ISLAM ONLINE : Bengkel Kecemerlangan Organisasi : “Transformasi Diri Berkualiti” anjuran Pusat Islam UUM telah diadakan pada 23 Januari 2017 di EDC Hotels & Resorts. Bengkel yang melibatkan semua staf Pusat Islam ini diadakan bagi membincangkan halatuju Pusat Islam 2017 dan membuat post-mortem bagi program-program yang telah diadakan pada tahun 2016.

Selain merancang halatuju dan pelan tindakan 2017 bagi semua program di bawah kendalian Pusat Islam, bengkel ini dapat dijadikan platform bagi membina ukhuwwah dan mengukuhkan tali silaturrahim dalam kalangan staf.

Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Ismail Ishak dalam ucaptamanya mengharapkan agar pelan tindakan 2017 dapat dilaksanakan dengan jayanya seiring dengan peranan Pusat Islam sebagai pusat rujukan dan pengurusan hal ehwal Islam bagi masyarakat kampus mahupun masyarakat luar kampus.

Pengarah turut berkesempatan menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang 2016 kepada Ustaz Aus Korni Yahaya di atas sumbangan khidmat bakti beliau kepada Pusat Islam sepanjang tahun 2016. Di samping itu majlis penyerahan surat lantikan Jawatankuasa Kualiti bagi tahun 2017 turut diadakan. Sesi membangunkan Carta Organisasi Pusat Islam yang baru juga diadakan selaras dengan kenaikan gred jawatan staf Pusat Islam yang terkini.

Hasil daripada bengkel sehari yang diadakan ini telah memberi semangat baru kepada semua staf Pusat Islam untuk terus positif dan komited dalam menggalas tanggungjawab besar yang diamanahkan. Juga bagi membincangkan strategi untuk menarik pelajar-pelajar UUM agar lebih mendekatkan diri dan mengikuti program-program anjuran Pusat Islam.

Habis.

**PUSAT ISLAM UUM,
KOMPLEKS PUSAT ISLAM,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
06010 UUM SINTOK, KEDAH**

Tel: 04-9282560/2559

Fax : 04-9282561

Website : <http://www.pusatislam.uum.edu.my/>

Email : p.islam@uum.edu.my

Facebook : Pusat Islam UUM



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.